

DAWABIT FATWA ON BB GLOW TREATMENT IN ISLAM

DAWABIT FATWA SULAM BEDAK DALAM ISLAM

Nur Amira Fazlyna Zainudinⁱ; Mohd Izhar Ariff Mohd Kashimⁱⁱ & Badli Shah Alauddinⁱⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
p153410@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ (*Corresponding Author*). Profesor, Pusat Kajian Syariah & Dekan, Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). izhar@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Pahang. bad@pahang.gov.my

Article Progress

Received: 18 August 2025

Revised: 21 October 2025

Accepted: 15 January 2026

Abstract	<p><i>BB Glow, also known as sulam bedak, is a modern beauty treatment that is increasingly popular among Muslim women, particularly in Malaysia. This treatment uses microneedling or nano-needling technology to inject pigmented serum into the skin layers to achieve a brighter, more radiant, and even-toned complexion. While it is seen as an alternative to foundation makeup, the procedure raises various concerns from an Islamic legal perspective, especially regarding the alteration of God's creation, ingredient safety, and the user's intention in beautifying oneself. This article presents a legal analysis of sulam bedak based on contemporary fatwas and fiqh principles such as "dar' al-mafāsīd awlā min jalb al-maṣāliḥ" (preventing harm takes precedence over attaining benefits) and "al-aṣlu fī al-ashyā' al-ibāhah" (the original ruling on beneficial things is permissibility). Findings show that this treatment is permissible (ḥalāl) under certain conditions, including the absence of impure or prohibited substances, non-permanence akin to tattoos, no health risks, and no obstruction to ablution (wudu'). Moreover, the use of BB Glow must be guided by proper intentions, such as treating skin imperfections rather than seeking vanity or undue attention. This study also proposes several guidelines (ḍawābiṭ), including the need to consult qualified professionals and ensure the use of halal-certified ingredients. In conclusion, sulam bedak may be acceptable in Islam when performed responsibly, ethically, and in accordance with the prescribed limits of shari'ah.</i></p> <p>Keywords: <i>BB Glow, Beauty, Treatment, Fatwa, Dawabit.</i></p>
Abstrak	<p><i>Sulam bedak atau BB Glow merupakan salah satu rawatan kecantikan moden yang kian mendapat tempat dalam kalangan wanita Muslimah, khususnya di Malaysia. Rawatan ini menggunakan teknologi microneedling atau nano-needling bagi menyuntik serum berpigmen ke dalam lapisan kulit untuk mendapatkan kesan wajah yang lebih cerah, berseri dan sekata. Walaupun rawatan ini dilihat sebagai alternatif kepada pemakaian solekan asas, ia menimbulkan pelbagai persoalan dari sudut hukum Islam, khususnya berkaitan pengubahan ciptaan Allah, keselamatan bahan, serta niat pengguna dalam berhias. Artikel ini mengemukakan analisis hukum sulam bedak berdasarkan</i></p>

fatwa semasa, kaedah fiqhiyyah seperti “dar’ al-mafāsīd awlā min jalb al-maṣāliḥ” dan “al-aṣlu fī al-ashyā’ al-ibāḥah”. Hasil dapatan menunjukkan bahawa hukum rawatan ini adalah harus dengan syarat tertentu, antaranya tidak mengandungi bahan haram atau najis, tidak bersifat kekal seperti tatu, tidak memudaratkan kesihatan serta tidak menghalang air wuduk sampai ke kulit. Selain itu, penggunaan sulam bedak mestilah dengan niat yang betul seperti merawat cela kulit dan bukan untuk bermegah-megah atau menarik perhatian. Kajian ini turut mencadangkan beberapa garis panduan (ḍawābit) termasuk keperluan mendapatkan khidmat pakar bertauliah dan memastikan bahan yang digunakan mendapat pengiktirafan halal. Kesimpulannya, rawatan sulam bedak boleh diterima dalam Islam sekiranya dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, beretika, dan mematuhi batasan Syarak yang ditetapkan.

Kata kunci: BB Glow, Kecantikan, Rawatan, Fatwa, Dawabit.

PENDAHULUAN

Seiring arus globalisasi, industri kecantikan semakin berkembang sehingga melahirkan pelbagai rawatan moden yang mendapat sambutan meluas. Antara rawatan yang tular di media sosial ialah sulam bibir, sulam kening dan sulam bedak. Namun, sulam bedak atau BB Glow yang menjadi pilihan utama masyarakat, dimana ia adalah sebuah rawatan kecantikan yang menawarkan penampilan wajah yang cerah, sekata dan berseri seolah-olah memakai solekan dalam sesebuah tempoh.

Fenomena ini mencerminkan kecenderungan masyarakat, khususnya wanita bekerja yang sentiasa sibuk dengan jadual harian tetapi tetap menitikberatkan penampilan diri ketika berinteraksi dengan klien dalam urusan pekerjaan. Meskipun begitu, pelbagai persoalan mula timbul berkaitan dengan rawatan sulam bedak terutamanya dari aspek hukum sejauhmanakan keharusan menjalani rawatan tersebut.

Hal ini kerana, prosedur yang terlibat dalamnya melibatkan teknik microneedling, serum berwarna disuntik ke dalam lapisan kulit bagi menghasilkan kesan cerah yang tahan lama berbanding rawatan kosmetik biasa. Berdasarkan irsyad fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (2021) sulam bedak dikategorikan sebagai rawatan kecantikan berbentuk tahsiniyyah yang diharuskan selagimana ia memenuhi kriteria atau syarat tertentu, seperti penggunaan bahan yang halal, rawatan yang selamat serta hanya bersifat sementara.

Pandangan ini turut disokong oleh Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin (2024) yang menegaskan sulam bedak tidak menimbulkan unsur penipuan (tadlis) yang boleh membawa kepada pengubahan ciptaan Allah. Walau bagaimanapun, perbincangan sedia ada masih terbatas kepada hukum asas tanpa menekankan secara terperinci aspek dhawabit (garis panduan) yang wajib dipatuhi oleh pengguna Muslim. Justeru, wujud keperluan kajian yang lebih mendalam bagi memberi panduan kepada masyarakat dalam menjaga penampilan.

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan melengkapkan kekurangan kajian sedia ada dengan meneliti sulam bedak daripada perspektif dhawabit fatwa serta menegaskan berdasarkan prinsip fiqh dan dalil syarak yang boleh dijadikan kayu ukur dalam menilai kedudukan rawatan ini. Secara khususnya, kajian ini menjawab persoalan sama ada sulam bedak dibenarkan dalam Islam, dengan menghuraikan syarat-syarat serta batasan yang ditetapkan agar penggunaannya tidak bercanggah dengan syariat.

Seterusnya, memberi gambaran tentang prosedur atau teknik yang dilakukan sepanjang rawatan dilalalkan. Perbincangan ini turut menganalisis fatwa semasa dengan dikaitkan dengan kajian berkait seperti alatan dan teknik yang digunakan bagi memastikan rawatan dijalankan dengan selamat dan mematuhi syarak. Hasil penelitian menunjukkan bahawa sulam bedak diharuskan selagimana ia memenuhi dhawabit yang telah digariskan, dan penggunaannya mestilah dengan tujuan merawat kecacatan atau menghilangkan aib, disamping berketerampilan cantik.

Selain itu, kepakaran dari seorang pakar yang bertaualiah dengan pengiktirafan daripada pihak berautoriti, serta prosedur dan risikonya atau maklumat tentang sulam bedak mestilah difahami sebelum menjalani rawatan. Oleh itu, sulam bedak harus dilakukan secara beretika, bertanggungjawab dan menepati garis panduan yang telah ditetapkan.

KONSEP SULAM BEDAK

Sulam bedak atau nama estetikanya BB Glow merupakan satu rawatan kecantikan moden berasaskan teknologi *microneedling* yang semakin mendapat tempat dalam industri kecantikan global. Rawatan ini mula diperkenalkan di Korea Selatan dan menjadi trend dalam kalangan wanita khususnya di beberapa negara Asia lain sebelum menembusi pasaran Malaysia sekitar tahun 2018.

Ia kemudiannya meluas ke pasaran antarabangsa termasuk Eropah dan Amerika Syarikat (Muhammad Ikhlas Rosele et. al., 2021). Di peringkat global, sulam bedak juga dikenali dengan pelbagai nama lain seperti *BB Face Glow*, *Water Shine BB Glow* dan *Darmedics Mesowhite* (Erin Docherty 2024). Kebanyakan pusat kecantikan wajah hari ini mempromosikan sulam bedak sebagai rawatan yang mampu menangani masalah kulit wajah yang dihadapi.

Antara kelebihan utama yang sering menjadi buah mulut orang ramai adalah memberikan kesan wajah berseri dan tona kulit yang sekata tanpa perlu menggunakan solekan, malah kulit wajah seakan-akan bersolek yang menyerlahkan kecantikan semula jadi (Anon, 2021). Tambahan pula, ia sering dikaitkan dengan masyarakat Korea yang mempunyai kulit "*glass skin*" yang tampak cantik tanpa ada cacat cela pada kulit wajah (Anon, 2019).

Seterusnya, rawatan ini dilakukan melalui teknik *micro needle* dengan menggunakan derma pen atau derma roller untuk menyuntik serum BB khas dalam lapisan kulit epidermis (Muhammad Ikhlas Rosele et. al. 2021; Erin Docherty, 2024). Berdasarkan laman sesawang U.S Food and Drug Administration (2021) menyatakan kini sulam bedak menggunakan teknik *nano needle* kerana ia lebih selamat dan mengurangkan kesakitan.

Rawatan sulam bedak bertujuan untuk mengatasi mengecilkan liang pori, merawat parut jerawat dan rawatan anti-penuaan dengan menyuntik serum BB Glow berwarna ke dalam kulit (Anon, 2023). Serum BB Glow tersebut mampu bertahan dalam kulit antara dua hingga lapan minggu, malah sesetengah sumber menyebut sehingga satu tahun bergantung kepada penjagaan selepas rawatan (Muhammad Ikhlas Rosele et. al., 2021).

Oleh itu, sulam bedak juga dikenali sebagai alternatif separa kekal kepada pemakaian asas solekan dan wajah yang seperti bersolek itu tidak akan berubah walaupun selepas aktiviti seperti mandi atau berpeluh (Anon 2023 & 2019). Walau bagaimanapun, rawatan sulam bedak tidak sesuai untuk semua individu seperti ibu- yang hamil, mereka yang berkulit sensitif atau mempunyai sejarah alahan terhadap bahan tertentu kerana berisiko mengalami kesan sampingan yang tidak diingini. Sehubungan itu, aspek keselamatan perlu dititikberatkan dengan merujuk pakar kecantikan yang bertaualiah sebelum menjalani rawatan ini.

PROSEDUR RAWATAN

Terdapat beberapa prosedur yang lazimnya dilakukan di pusat-pusat kecantikan bagi memastikan rawatan sulam bedak berlangsung dengan baik dan selamat. Tempoh rawatan ini mengambil masa sekitar 1.5 jam bergantung kepada kecekapan pakar serta keadaan kulit individu yang menerima rawatan (Anon, 2019). Antara prosedur yang terlibat adalah seperti berikut (Anon, 2021):

i. Pembersihan wajah

Membersihkan kulit wajah menggunakan pencuci muka yang sesuai dengan jenis kulit bagi menanggalkan solekan yang telah dipakai serta membersihkan kotoran dan minyak.

ii. Pengelupasan "*exfoliation*"

Membersihkan pori-pori dan membuang sel kulit mati dengan menyapu gel pengelupasan.

iii. Peneutralan "*neutralization*"

- Bagi mengurangkan kemerahan dan melembabkan kulit serta mengembalikan pH kulit, toner akan disapukan secara rata pada seluruh wajah.
- iv. **Serum Booster**
Semasa proses ini, teknik *micro needle* atau *nano needle* diaplikasikan dengan menyapu serum booster menggunakan derma pen bersaiz 0.5mm untuk memastikan penyerapan serum yang optimum tanpa menyebabkan trauma kulit yang serius. (Syaikhuddin Bahri 2023).
 - v. **Serum BB Glow**
Menggunakan pen derma, serum BB Glow berwarna akan disuntik ke dalam lapisan kulit epidermis mengikut kesesuaian tona kulit sedalam 0.15mm dengan dibiarkan selama 15 minit (Anon, 2019).
 - vi. **Masker LED "luxe LED Mask"**
Bagi mengelakkan berlakunya kulit kering dan keradangan, masker LED disapukan keseluruhan wajah.

Selain daripada prosedur yang telah disenaraikan, terdapat juga beberapa prosedur tambahan yang agak berlainan mengikut pusat kecantikan masing-masing bagi memastikan kualiti dan keberhasilan rawatan sulam bedak. Semua prosedur yang dijalankan hanya akan dilakukan selepas sesi konsultasi dan mendapat persetujuan daripada pengguna yang berminat menjalani sulam bedak.

ANALISIS HUKUM SULAM BEDAK

Rawatan sulam bedak menggunakan teknik seperti *microneedling* atau *nano needling* yang menyuntik serum berpigmen ke dalam lapisan kulit bagi memberikan kesan 'glow' dan tona wajah sekata. Oleh kerana prosedur ini menyerupai tatu dari sudut teknik dan kesan kekal tertentu, ia menimbulkan keraguan dalam kalangan pengguna Muslim. Justeru, analisis hukum syarak terhadap amalan sulam bedak perlu dilihat berdasarkan fatwa-fatwa semasa, kaedah-kaedah fiqh untuk memastikan kesahihan penggunaannya dalam syariat.

Berdasarkan fatwa Wilayah Persekutuan (2021), rawatan sulam bedak diklasifikasikan sebagai rawatan kosmetik yang bersifat tahsiniyat dan dihukumkan harus selagimana menepati beberapa syarat yang ditetapkan. Antaranya ialah kandungan bahan diyakini halal dan bersih, tidak mendatangkan kemudaratan pada kulit, tidak bersifat kekal seperti tatu dan memastikan air wuduk dapat menyentuh kulit wajah tanpa halangan.

Fatwa Perlis (2020) pula menegaskan rawatan ini tidak boleh mengandungi unsur-unsur penipuan terhadap penampilan dan mengubah kejadian asal manusia. Ini kerana, kaedah rawatannya menggunakan teknik microneedle atau nanoneedle dengan memasukkan serum berwarna ke dalam kulit wajah (epidermis) secara separa kekal. Oleh itu, sulam bedak harus diambil perhatian agar tidak menyerupai tatu yang bersifat kekal dan mengubah ciptaan Allah pada kulit.

Fatwa-fatwa ini turut menekankan bahawa tujuan rawatan kecantikan mestilah selari dengan syariat Islam, iaitu untuk merawat masalah kulit wajah yang mengaibkan diri dan tidaklah hanya kecantikan semata-mata. Perkara ini sejajar dengan kaedah fiqh:

دَرءُ الْمَفَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Maksudnya, "Menghindari kerosakan lebih utama daripada memperoleh kebaikan".

Namun demikian, perlu diperhatikan dari sudut keselamatan bahan yang digunakan dalam rawatan sulam bedak kerana dibimbangi akan mendatangkan risiko lain. Sedangkan rawatan sulam bedak adalah alternatif untuk membaiki kulit wajah, sebaliknya jika merawat lebih menambah kesan buruk, maka ia bertentangan dengan kaedah fiqh tersebut. Sebagaimana kajian (Martalu D. Pazos et. al. 2021) mendapati tindak balas alahan yang boleh dialami daripada sifat kekal pigmen atau warna solekan seperti bengkak, kegatalan, kemerahan dan

simptom yang lebih teruk, akibat daripada kebiasaan penggunaan bukan bahan organik di dalamnya. Antaranya, besi oksida dan titanium dioksida.

Hal penilaian fatwa Wilayah Persekutuan dan Perlis menghimpunkan ciri-ciri yang membenarkan rawatan sulam bedak dengan beberapa ciri seperti sumber bahan halal, bersifat sementara, selamat dipakai dan mesra wuduk. Sementara itu, kajian saintifik serta kaedah fiqh menjelaskan keutamaan mengelakkan mudarat daripada memperoleh kebaikan. Terutamanya pengguna Muslim seharusnya menjadikan perkara ini sebagai panduan sebelum menjalani rawatan sulam bedak.

Semua ini memberi petunjuk kepada semua pengguna bahawa penilaian terhadap sulam bedak perlu diteliti secara menyeluruh. Sehubungan itu, sebagai pengguna disarankan agar menilai sudut pandangan lain supaya tidak hanya melihat pada satu sudut pandangan bahawa sulam bedak penyelesaian utama pada masalah kulit wajah. Sebaliknya, harus dipertimbangkan alternatif lain melalui menjaga kesihatan dalaman dengan pengambilan makanan dan minuman yang sihat, mengamalkan cara hidup sihat serta penggunaan produk penjagaan kulit yang diiktiraf oleh pakar dengan mendapatkan nasihat terlebih awal (Annes Nadia, 2024).

Selain itu, ciri-ciri perubahan ciptaan Allah seperti terdapat dalam rawatan sulam bedak berdasarkan teknik yang digunakan seakan-akan membuat tatu, namun begitu boleh dibahaskan berdasarkan kaedah fiqh.

الأصل في الأشياء النافعة الإباحة

Maksudnya, "Asal sesuatu perkara yang bermanfaat adalah harus".

Syeikh Soleh Al-Manjid memberi pandangannya berkaitan pemakaian krim pemutih (Islamweb 2011):

"Penggunaan krim atau alat kosmetik untuk menukar warna kulit daripada gelap kepada cerah adalah dibenarkan sekiranya kesannya hanya bersifat sementara. Namun begitu, sekiranya penukaran warna kulit dilakukan secara kekal, sama ada melalui pembedahan plastik atau kaedah lain, maka ia tidak dibenarkan kerana termasuk dalam perbuatan mengubah ciptaan Allah SWT. Sebaliknya, jika rawatan tersebut bertujuan mengembalikan warna asal kulit seseorang akibat penyakit atau kerosakan, maka ia tidak dianggap sebagai mengubah ciptaan Allah, bahkan dibenarkan kerana tidak mengubah rupa asal kejadian".

Perspektif ini boleh disamakan dengan sulam bedak, iaitu salah satu alternatif kepada krim pemutih dalam usaha mencantikkan kulit wajah. Kedua-duanya melibatkan perubahan warna kulit yang boleh bersifat sementara atau kekal. Maka, hukum sulam bedak boleh diqiaskan kepada krim pemutih. Sekiranya dilakukan untuk menutup cela akibat penyakit atau kerosakan, serta tidak bersifat kekal dan tidak memudaratkan, maka ia diharuskan. Namun, jika dilakukan semata-mata untuk kecantikan dengan kesan kekal dan menyerupai tatu, ia dilarang kerana termasuk dalam perubahan ciptaan Allah SWT.

Tambahan pula, tujuan dan niat utama melakukan rawatan sulam bedak ini perlu dimbil perhatian juga supaya tidak membatasi niat asal iaitu merawat kulit wajah yang bermasalah seperti kulit kusam, menghapuskan tompok-tompok hitam, mengecilkan pori-pori dan lain-lain. Maka, perasaan riak atau untuk bermegah-megah perlu dihilangkan. Al-Qadi 'Iyad menyebut sifat riak adalah tanda sebuah ketidakbijakan dan amalannya serta pandangannya yang buruk (Muhammad Shahrulnizam, 2018). Nabi Muhammad SAW bersabda dalam sebuah hadith:

"Perkara yang paling aku takut terhadap kamu ialah syirik kecil". Para sahabat bertanya: "Apakah syirik kecil itu, wahai Rasulullah?" Baginda menjawab: "Itulah riya" (Riwayat Ahmad)

Lantaran itu, niat dan tujuan sangat mempengaruhi setiap tindakan seseorang serta memberi kesan terhadap hukum sesuatu perbuatan. Hal ini dijelaskan oleh Nabi Muhammad SAW dalam sebuah hadith yang sangat masyhur tentang niat dan terletak pada bab pertama

dalam Sahih Bukhari. Ini menunjukkan perkara ini tidak boleh dipandang enteng, sebaliknya perlu dilihat akan ganjaran sesuatu amalan yang didahului dengan niat yang baik.

Mafhumnya, setiap tindakan berdasarkan niat, jika diniatkan akan perkara itu, maka dia akan memperoleh apa yang diniatkannya. Sulam bedak dilihat mempunyai ciri-ciri pengubahan ciptaan Allah kerana teknik yang digunakan seakan-akan membuat tatu, namun begitu boleh dibahaskan berdasarkan kaedah fiqh.

DAWABIT KEPENGGUNAAN SULAM BEDAK

Kandungan Bahan yang Bersih, Halal dan Selamat

Semua pengguna yang berminat dengan rawatan kecantikan sulam bedak perlu mengambil berat terhadap bahan kandungan yang terdapat di dalamnya supaya tidak tersalah pakai sehingga menyebabkan kesan buruk yang lain. Hal ini kerana, kebanyakan produk kosmetik di pasaran seperti krim pemutih wajah mengandungi banyak campuran bahan kimia yang berbahaya kepada kulit wajah seperti merkuri, hidrokuinon, asid retinoik serta zat warna sintetik (Ardan, Agustina & Masruhim, 2016).

Berdasarkan kajian Kissi Parengkuan, Fatimawali, Gayatri Citraningtyas (2013), krim yang bermerkuri pada awalnya akan menampakkan kulit wajah yang cerah dan segar, namun ia berpotensi menimbulkan kesan negatif yang parah pada kulit wajah bagi jangka masa yang panjang bermula dengan kulit akan kehitam-hitaman seperti terbakar dan berjerawat, malahan turut mengakibatkan penyakit kanser payudara, serviks, paru-paru dan seumpamanya.

Selain itu, perlu juga diperhatikan dari sudut kuantiti penggunaan yang dibenarkan seperti hidrokuinon adalah ubat yang dibawah pengawasan doktor dan hanya 2% sahaja dibenarkan penggunaannya. Dalam konteks Malaysia, hidrokuinon diklasifikasikan sebagai ubat farmaseutikal yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan (PBKD) (KKM, 2018). Disamping itu, pengguna Muslim sangat bertanggungjawab meneliti akan status kehalalan bahan yang digunakan bagi mengelakkan daripada bahan bernajis atau haram atau meragukan.

Sebagai contoh, gelatin atau gliserin daripada unsur-unsur babi dan haiwan yang tidak disembelih menurut syarak. Malah, ada produk yang dicampur dengan plasenta haiwan dan manusia, yang statusnya haram sekiranya daripada sumber haram. Perkara ini berlaku kerana dikatakan gelatin daripada babi lebih murah, lebih mudah didapati dan memberikan kelembapan dan keanjalan pada kulit (Rabiatul Adawiyah & Zalina Zakaria, 2019).

Tidak terkecuali juga, alkohol yang lebih dikenali sebagai arak juga dilarang penggunaannya berdasarkan cara pemprosesan arak tersebut yang memberi kesan kepada status halal dan haram kerana arak menurut Islam adalah najis. Oleh itu, pengiktirafan status keselamatan, kehalalan dan kebersihan perlu diambil berat terhadap kandungan bahan yang digunakan terutamanya bagi pengguna Muslim.

Larangan Pengubahan Ciptaan Allah

Islam menegah sekeras-kerasnya perbuatan mengubah ciptaan Allah dengan apa-apa cara sekalipun walaupun ia tidak menyakiti dan Rasulullah SAW melaknat perbuatan yang bertentangan dengan fitrah asal serta dianggap sebagai bentuk keingkaran terhadap syariat Allah. Maka, dapat difahami makna mengubah ciptaan Allah berdasarkan kajian Rabi 'Atul 'Adawiyah Abdul Khalil dan Izhar Ariff Kashim (2018) adalah sebarang perbuatan yang mengubah bentuk asal kejadian yang telah diciptakan secara sempurna atas alasan tidak berpuas hati dengan rupa atau keadaan sedia ada dan tidaklah menjadi satu keperluan rawatan atau pembaikan kecacatan.

Pelbagai perbuatan mengubah ciptaan Allah yang dirakamkan dalam Al-Quran seperti mencacah tato, mengukir gigi dan mencukur alis dengan tujuan kecantikan. Allah menyebut dalam nas Al-Quran surah Al-Nisa ayat 119 berkaitan larangan mengubah ciptaan Allah SWT:

وَلَا ضِلَّيْتَهُمْ وَلَا مَنِّينَهُمْ وَلَا مَرْهَمٍ فَلْيَتَّبِعُوا حُلُقَ اللَّهِ ۗ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّن دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا

Maksudnya, *“Dan aku (syaitan) benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong dalam kalangan mereka, dan menyuruh mereka memotong telinga binatang ternakan, serta aku akan perintahkan mereka supaya mengubah ciptaan Allah. Dan sesiapa yang mengambil syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya dia telah menderita kerugian yang nyata”*.

Namun begitu, terdapat pengecualian dalam larangan mengubah ciptaan berdasarkan tahap keperluan seperti tujuan perubatan, menghilangkan kecacatan atau keperluan syarak atas sebab kebersihan seperti memotong kuku, berkhatan, mencukur bulu ketiak dan kemaluan (Muhammad Afifi Azahar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2023). Ini kerana dikhuatiri jika perubahan kejadian asal yang bersifat kekal, tidak menepati syariat serta dengan tujuan kecantikan semata-mata, ia boleh membawa unsur penipuan terhadap bentuk asal.

Sedangkan, Islam sangat menggalakan umatnya sentiasa berpenampilan cantik selari dengan syariat sebagai tanda syukur dan menghargai nikmat daripada Allah taala. Salah satu aspek penting dalam garis panduan menggunakan sulam bedak adalah memastikan bahawa tujuan atau niat di sebalik prosedur tersebut adalah betul. Dalam Islam, niat memainkan peranan yang sangat penting dalam setiap amalan, termasuk dalam aspek kecantikan.

Niat yang baik dan tulus untuk memperbaiki penampilan diri haruslah berlandaskan kepada keinginan untuk menghargai ciptaan Allah dan bukan untuk bermegah-megah atau meniru penampilan orang lain. Ini selaras dengan prinsip yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW yang menyebut, "Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niatnya" (HR Bukhari dan Muslim). Oleh itu, sebelum menjalani prosedur sulam bedak, individu harus merenung dan memastikan bahawa niat mereka adalah untuk meningkatkan keyakinan diri dan bukan untuk tujuan yang tidak baik.

Selain itu, niat yang betul juga membantu dalam mengelakkan sebarang unsur penipuan atau pengubahsuaian yang melampau terhadap ciptaan Allah. Dalam konteks ini, pengamal sulam bedak perlu menekankan kepada pelanggan tentang pentingnya memahami bahawa kecantikan yang sejati datang dari dalam dan bukan semata-mata dari penampilan luar. Garis panduan ini bertujuan untuk mendidik pelanggan agar tidak terjebak dalam budaya kecantikan yang tidak realistik dan berbahaya.

Menurut kajian oleh Rabi 'Atul 'Adawiyah Binti Abdul Khalil dan Izhar Ariff Bin Kashim (2018), niat yang baik dalam melakukan sebarang prosedur kecantikan adalah penting untuk memastikan bahawa tindakan tersebut tidak melanggar prinsip-prinsip syarak dan tidak mengubah ciptaan Allah secara kekal. Dengan ini, individu dapat menghargai kecantikan yang telah dianugerahkan oleh Allah dan menjalani prosedur sulam bedak dengan cara yang selari dengan nilai-nilai Islam.

Keperluan Pakar Kecantikan Profesional Dan Terlatih

Sulam bedak adalah satu rawatan yang dianggap kompleks kerana ia melibatkan penembusan jarum ke dalam kulit wajah yang boleh mendatangkan risiko atau kesan sampingan pada jangka masa panjang mahupun pendek. Maka, kepakaran bagi seorang pakar kecantikan sangat penting pentauliahannya yang sah dalam teknik penggunaan jarum, kesesuaian jarum pada kulit wajah, kesan suntikan, pengetahuan tentang jenis kulit serta mengetahui fungsi setiap bahan kimia yang digunakan.

Kemahiran yang berkaitan dengan kecantikan perlu menjalani latihan profesional yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah pantauan Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KSM) melalui kursus-kursus yang disediakan, setelah itu sijil kemahiran akan dikeluarkan sebagai tanda pengiktirafan kemahiran yang dipelajari sebagaimana disebut dalam laman sesawang *Be beauty academy*.

Tambahan pula, pengguna turut perlu mendapatkan khidmat nasihat dengan doktor pakar kulit bagi menentukan jenis kulit dan kesesuaian bahan atau alatan yang digunakan dalam rawatan agar pengguna mempunyai maklumat apabila berkonsultasi dengan pakar pusat kecantikan tersebut. Selain itu, premis pusat kecantikan swasta juga perlu berdaftar secara sah

oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), khususnya jika prosedur melibatkan risiko kesihatan kepada pengguna, seperti yang dinyatakan dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Kementerian Kesihatan Malaysia).

Akta ini bertujuan mengawasi kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta di Malaysia, termasuklah peraturan pendaftaran, kelulusan, lesen dan cara pengendalian kemudahan kesihatan swasta seperti klinik hospital dan perkhidmatan kesihatan lain. Walau bagaimanapun, laman rasmi Bahagian Amalan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan sebenarnya pusat atau spa kecantikan bukanlah dibawah kawalan Akta 586, tetapi jika pusat kecantikan beroperasi dengan menyediakan perkhidmatan yang terdapat dalam akta ini, maka akan dikenakan tindakan perundangan selaras dengan ketetapan Akta 586 dan Peraturan-Peraturannya.

Hal ini kerana, jika berlaku sebarang perkara yang tidak dikehendaki selepas rawatan, pihak premis atau pelanggan boleh mendakwa atas perkara yang berlaku kerana terdapat bukti yang kukuh seperti dari pihak premis, pekerja yang bertaualiah, manakala pihak pelanggan pula boleh mengemukakan bukti dengan menunjukkan kulit wajah yang rosak atau menyatakan pengendalian yang tidak baik seperti rakaman video suara. Lantaran itu, pihak berkuasa akan mengambil tindakan seterusnya bagi menyelesaikan masalah yang berlaku.

Bukan Niat Untuk Bermegah-Megah, Riak Atau Sombong

Dalam Islam, berhias adalah diharuskan selagi tidak melampaui batas. Namun, apabila ia disertai dengan niat untuk bermegah-megah, riak atau menunjuk-nunjuk, maka ia termasuk dalam larangan syarak (Alisyah, 2017). Riak didefinisikan sebagai sifat atau sikap suka menunjuk-nunjukkan amal ibadah atau sesuatu kebaikan dengan tujuan mendapatkan pujian atau sanjungan daripada orang lain, bukan kerana Allah (Kamus Dewan Bahasa, 2017).

Meskipun sulam bedak dikatakan membantu merawat masalah kulit wajah, dalam masa yang sama ia juga boleh menyebabkan kulit tampak berseri-seri, cerah dan segar sehingga menarik perhatian orang ramai. Situasi ini dibimbangi akan membawa kepada pujian yang berlebihan daripada orang lain, lalu menimbulkan perasaan riak dan sombong dalam diri pengguna. Sifat-sifat mazmumah ini amat ditegah kerana ia adalah antara sifat yang dibenci oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah Luqman ayat 18:

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ

Maksudnya, “Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri”.

Menurut tafsiran Profesor Quraish Shihab dalam *Tafsir al-Misbah*, Luqman menasihati anaknya agar sentiasa bersikap sederhana, tidak sombong dan tidak angkuh dalam bermuamalat sesama manusia. Malah, beliau turut menegaskan bahawa gaya berjalan juga perlu mencerminkan sikap tawaduk dan tidak meninggi diri seolah-olah darjat seseorang itu terlalu tinggi berbanding orang lain. Oleh itu, penggunaan sulam bedak hendaklah mempunyai niat untuk membaiki keadaan kulit wajah dan dalam masa yang sama menjaga penampilan dalam batas yang dibenarkan oleh Syarak.

PENUTUP

Kesimpulannya, penelitan ini menunjukkan bahawa sulam bedak merupakan rawatan kecantikan alternatif yang diharuskan sekiranya memenuhi dhawabit yang ditetapkan. Antaranya, penggunaan bahan halal, tidak mengubah ciptaan, selamat daripada risiko yang memudaratkan kesihatan dan sebagainya. Penetapan dhawabit ini perlu dilihat secara menyeluruh bukan hanya dilihat dari sudut penampilan semata-mata, bahkan juga dari sudut maqasid syariah yang mementingkan agama dan nyawa.

Hal ini menggambarkan bahawa hukum sulam bedak perlu dilihat secara seimbang, dengan mengambil kira aspek syariah dan keperluan semasa masyarakat agar tidak terkeluar

dari batas syarak. Kajian ini menunjukkan kepentingan aspek *ḍawābiṭ* fatwa dalam menilai hukum sulam bedak, yang sebelum ini kurang diberikan perhatian. Pendekatan tersebut memperlihatkan *fiqh* berjaya merentas isu kontemporari kosmetik moden, sekali gus menzahirkan keanjalan hukum syarak dalam merespons keperluan semasa umat Islam.

Justeru, kajian ini dapat dijadikan panduan kepada masyarakat serta pihak berautoriti dalam merangka garis panduan yang lebih jelas dan praktikal untuk diaplikasikan dalam rawatan kosmetik lain. Walau bagaimanapun, penelitian ini masih mempunyai keterbatasan dan kekurangan. Kajian ini lebih tertumpu kepada analisis dokumen dan fatwa di Malaysia tanpa mengambil kira pengalaman pengguna secara menyeluruh ataupun perbandingan dengan negara lain.

Selain itu, ketiadaan data seperti temu bual atau kajian lapangan menjadikan hasil dapatan terbatas pada perbincangan teoritikal. Justeru, kajian lanjutan wajar dilakukan dengan melibatkan perspektif pakar perubatan, pakar kecantikan serta pengalaman sebenar pengguna bagi mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif. Akhirnya, isu sulam bedak ini menunjukkan betapa pentingnya keseimbangan antara tuntutan berhias dengan kepatuhan terhadap agama. Ia bukan sahaja berkaitan soal hukum, tetapi juga mencerminkan bagaimana umat Islam berinteraksi dengan perubahan gaya hidup moden.

RUJUKAN

- Ainul Yaqin Bakharudin. 2021. *Al-Kafi li al-Fatawi: Hukum Rawatan Sulam Bedak (BB Glow)* [Siri ke-1957]. Putrajaya: Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4686-irsyad-al-fatwa-siri-ke-556-hukum-sulam-bedak> [14/6/2025]
- Anon. 2019. Is Korean BB Glow a Safe Treatment? It is now safe due to the latest Korean technology. <https://www.aesthetics.school/post/aca-8-micro-needling-bbglow> [10/3/2024].
- Anon. 2020. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM1 - Tahap 1 & SKM2 - Tahap 2) - Perkhidmatan Terapi Kecantikan. Be beauty academy.
- Anon. 2021. Everything You Need To Know About The New BB Glow Treatment. <https://www.herzindagi.com/beauty/what-is-bb-semi-permanent-makeup-technique-article-> [20/3/2024].
- Anon. 2023. The Ultimate Guide to BB Glow Treatment: What You Need to Know. <https://kaayakalp.com/blogpost/ultimate-guide-to-bb-glow-treatment/> [20/3].
- Ardan, M., Agustina, R. & Masruhim, M. A. 2016. Analisis Bahan Kimia Berbahaya Pada Krim Pencerah Wajah Yang Beredar Di Kota Samarinda. Proceeding of the 3rd Mulawarman Pharmaceuticals Conferences.
- Askcares. (2020). "BB Glow Treatment: A Semi-Permanent Alternative to Daily Foundation". <https://askcares.com/blog/bb-glow-treatment-semi-permanentmakeup> [10/3/2025]
- Bahagian Amalan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta. Bahagian Amalan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta. <https://hq.moh.gov.my/medicalprac/cawangan-kawalan-amalan-perubatan-swasta-3/> [13/6/2025]
- BB Glow Fikry, S. B. A. 2023. Strategi Dakwah Youtube Nu Online Dalam Mengimplementasikan Fiqih Wanita. Fakultas Dakwah Dan Ilmu Komunikasi, Universitas Islam Negeri Syarif.
- Docherty, E. 2024. People are now tattooing foundation into their skin and we need to talk about it. <https://www.mamamia.com.au/bb-glow-treatment/> [9/2].
- Herman, H. 2023. Tinjauan Hukum Ekonomi Islam Terhadap Jasa Sulam Bedak Pada Kaum Wanita Di Kecamatan Watang Sawitto Kabupaten Pinrang. Fakultas Syariah Dan Ilmu Hukum Islam, Institut Agama Islam Negeri (Iain) Parepare. <https://bebeautyacademy.my/ms/page/951157/beauty-course-skm1-and-skm2-and-skm3> [10/6/2025]
- <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=berhias&d=175768&>

- <https://www.npra.gov.my/index.php/en/component/content/article/215-english/press-release/press-release-2018/1756-press-statement-director-general-of-health-cosmetic-products-found-to-contain-scheduled-poison.html> [13/6/2025]
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. Garis Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/Pergigian Swasta: Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), Peraturan-Peraturan P.U. (A) 137/2006. Putrajaya: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS).
- Kissi Parengkuan, F., Gayatri Citraningtyas. 2013. Analisis Kandungan Merkuri Pada Krim Pemutih Yang Beredar Di Kota Manado. *Jurnal Ilmiah Farmasi* 2(1): 2302 - 2493
- Mohd Asri Zainul Abidin. 2020. Hukum Sulam Bedak (BB Glow). Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/219-fatwa-berkaitan-sulam-bedak-tanam-rambut-dan-janggut> [14/6/2025]
- Muhadi, M. S. 2018. BUAT SESUATU BUKAN NIAT MENUNJUK. ADAKAH ITU RIYA? <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2630-al-kafi-824-buat-sesuatu-bukan-niat-menunjuk-adakah-itu-riya> [15/6/2025].
- Muhammad Ikhlas Rosele, M. S. I., Noor Naemah Abdul Rahman, Arieff Salleh Rosman, Aqeel Khan. 2021. Analysis on Powder Embroidery Treatment (BB Glow) from the Islamic Law. *Revista Geintec-Gestao Inovacao E Tecnologias* 11(4): 1349-1364.
- Nadia, A. 2024. 5 Manfaat Yang Anda Dapat Apabila Makan Secara Sihat Setiap Hari, No. 3 Ramai Tak Sedar! <https://hellodokter.com/pemakanan/diet-sihat/makanan-diet-seimbang/> [13/6/2025].
- National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) Ministry of Health Malaysia. Press Statement Director General Of Health Cosmetic Products Found To Contain Scheduled Poison. 2018
- Pazos, M. D., Hu, Y., Elani, Y., Browning, K. L., Jiang, N. & Yetisen, A. K. 2021. Tattoo inks for optical biosensing in interstitial fluid. *Advanced Healthcare Materials* 10(21): 2101238.
- Rabiatul Adawiyah Abd Rahman, Z. Z. 2019. Pelaksanaan Standard Kosmetik Halal: Malaysian Standard Ms 2200 – Bahagian 1: 2008 Barang Gunaan Islam-Kosmetik Dan Dandanan Diri – Garis Panduan Umum: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Shariah Law Research (JSLR)* 4(2): 137-158.
- U.S Food and Drug Administration. 2021 <https://www.fda.gov/consumers/consumer-updates/microneedling-devices-getting-point-benefits-risks-and-safety> [10/6/2025].

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.